

## **SIKAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH ARAB JABATAN AGAMA ISLAM MELAKA TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

**Nur Afifah Fadzil**

[nurafifahfadzil@kuim.edu.my](mailto:nurafifahfadzil@kuim.edu.my)

**Nuraznan Jaafar**

[nuraznan@kuim.edu.my](mailto:nuraznan@kuim.edu.my)

Fakulti Bahasa dan Pendidikan, Kolej Universiti Islam Melaka

### **ABSTRAK**

Sikap merupakan faktor penting yang mampu mempengaruhi peningkatan mahupun penurunan pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Pelajar yang mempunyai sikap yang positif membolehkan mereka menguasai bahasa Arab dengan mahir dan berkesan. Kajian ini dilaksanakan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima di enam buah sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2017 bagi mata pelajaran Bahasa Arab. Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017 serta sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa Arab. Ia juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab setelah mereka mempelajari bahasa Arab semenjak dari tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Kajian ini menggabungkan kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan untuk mengumpul dapatan data kajian lepas berkaitan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Manakala data kuantitatif dikumpulkan menerusi set soal selidik berkaitan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dapatan kajian mendapati secara purata, skor responden bagi sikap pelajar berada pada tahap tinggi. Selain itu, dapatan bagi ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab. Analisis regresi dijalankan bagi menentukan pengaruh sikap terhadap penguasaan bahasa Arab. Hasil keputusan membuktikan penguasaan bahasa Arab dipengaruhi oleh sikap. Justeru itu, faktor sikap memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa Arab dan mampu memberikan kesan positif terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar.

**Kata kunci:** *Sikap, Bahasa Arab*

### **PENGENALAN**

Pembelajaran bahasa merupakan satu proses pembelajaran yang mempunyai kaitan dengan realiti kehidupan sebenar. Oleh itu, kesan bagi tanggapan yang salah terhadap pembelajaran bahasa hanya menimbulkan rasa kekecewaan dan mengundang kurang minat serta sikap yang negatif

untuk mempelajari bahasa tersebut (Nor Haliza dan Khaidzir 2010). Perubahan sikap amat diperlukan dalam usaha untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Sikap terhadap bahasa merujuk kepada sikap satu kelompok masyarakat atau sesuatu komuniti terhadap sesuatu bahasa seperti menarik, sedap didengari, mudah dipelajari dan sebagainya (Norizah 2005).

Ab Halim (2006) mendefinisikan sikap sebagai aplikasi daripada minat seseorang terhadap sesuatu dan merupakan faktor dalaman yang berlandaskan keinginan meluap-luap untuk mempelajari sesuatu benda yang baharu dalam kehidupan. Menurut Jamaliah (2007), sekiranya pelajar bersikap positif serta sentiasa berusaha untuk mendalami dan menguasai bahasa Arab, maka tidak mustahil ia akan membawa ke arah kejayaan. Antara sikap positif yang perlu dimiliki oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab ialah minat, berani, berfikiran positif, konsisten dan tetapkan sasaran (Wan Azura et al. 2007). Sikap juga merupakan orientasi individu dalam menilai sesuatu perkara sama ada berbentuk negatif atau positif. Ia merupakan kecenderungan seseorang dalam bertindak atau memilih sesuatu mengikut pengalaman, kebiasaan atau pengaruh sekitar (Khairatul Akmar et al. 2015).

Sikap memainkan peranan penting dalam aspek kecemerlangan pelajar. Hal ini telah dibuktikan dengan pelbagai dapatan kajian yang menghuraikan aspek sikap ini adalah antara faktor penyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Sikap merupakan suatu bentuk psikologi pendidikan yang sering diperkatakan dan memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa kedua (Gardner & Lambert 1972; Gardner 1983; Gardner et al. 1985; Mohd Firdaus 2003; al-Tamimi & Shuib 2009; Azizeh & Zahreh 2010; Natsue 2012). Mohd Firdaus (2003) menghuraikan tiga jenis sikap yang diperkenalkan dalam model *socio-educatioal* iaitu sikap integratif, sikap terhadap pembelajaran dan sikap instrumental. Ketiga-tiga jenis sikap ini mempunyai hubungan kait dengan motivasi.

a. Sikap integratif

Sikap integratif terbentuk daripada pengaruh latar belakang bahasa keluarga dan masyarakat. Sikap ini dipengaruhi secara tidak langsung oleh faktor motivator.

b. Sikap terhadap pembelajaran

Sikap terhadap pembelajaran berkaitan pengaruh secara langsung oleh motivator seperti kualiti guru bahasa, pengajaran dan pembelajaran dan aktiviti-aktiviti sokongan yang dilaksanakan oleh sekolah.

c. Sikap instrumental

Sikap instrumental berasaskan kepada kesedaran tentang kepentingan bahasa dari segi keperluan peperiksaan, pendidikan lebih tinggi dan mencari kerja yang lebih baik. Sikap ini terbentuk hasil daripada faktor latar belakang dan motivator.

## PENYATAAN MASALAH

Kelemahan penguasaan bahasa kedua atau bahasa asing berkait rapat dengan sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa tersebut. Hal ini kerana, sikap merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam mempelajari bahasa kedua (Gardner 1982). Rusniza (1998) dan Jamaliah (2007) berpendapat salah satu faktor tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab masih rendah kerana bahasa Arab itu sendiri kurang mempunyai nilai ekonomi berbanding bahasa kedua yang lain. Mereka lebih menganggap bahasa Arab hanya semata-mata bahasa ibadat dan tidak bersifat ekonomi yang mempunyai prospek kerjaya yang cerah dan menguntungkan. Walaubagaimanapun, persepsi ini semakin berubah apabila rakyat Malaysia mula percaya bahawa kelebihan berbahasa Arab dalam industri pelancongan dapat menjadikan nilai tambah bahasa Arab semakin meningkat.

Sikap negatif lain yang kerap dialami oleh pelajar ialah malu dan takut untuk bertutur dalam bahasa yang dipelajari. Ia disebabkan rasa rendah diri yang terlampau, tiada keyakinan dan tidak mempunyai rasa tanggungjawab. Rosni (2012) menyarankan beberapa usaha untuk menghadapi sikap negatif yang dialami dalam pembelajaran bahasa Arab. Antaranya, mengelakkan diri daripada merasa rendah diri dan malu untuk bertanya atau mencuba, mempunyai rasa kesediaan untuk bertindak balas secara sendiri, merebut dan menggunakan peluang yang ada dengan kerjasama bersama pelajar lain dan kerap mempraktikkan bahasa yang dipelajari secara berterusan.

Zulkifli (2011) menyatakan pemerolehan bahasa pertama berbeza dengan pemerolehan bahasa kedua kerana ia berlaku secara semula jadi. Manakala, pemerolehan bahasa kedua didorong oleh pelbagai motif atau tujuan seperti memajukan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan, mengelakkan pemencilan dan sebagainya. Dalam pembelajaran bahasa kedua, sikap banyak mempengaruhi sejauh mana pelajar dapat mempelajari dan menguasainya dengan cepat (Zamri Mahamod, 2004). Faktor diri sendiri merupakan faktor yang paling mempengaruhi seseorang untuk mempelajari sesuatu bahasa. Jika pelajar itu memiliki sikap yang positif seperti kesedaran tentang pentingnya bahasa yang dipelajarinya, maka pelajar tersebut akan cuba menguasai bahasa tersebut melalui pelbagai cara.

Menerusi beberapa pandangan yang dikemukakan, penyelidik tertarik untuk melaksanakan kajian berkaitan sikap pelajar tingkatan lima yang mempelajari dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 bagi mata pelajaran bahasa Arab. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar sekolah menengah arab Jabatan Agama Islam Melaka (SMA JAIM) di sekitar negeri Melaka. Tambahan pula, kurikulum yang diketengahkan ialah pembelajaran agama secara menyeluruh iaitu bukan sahaja bahasa Arab, malahan terdapat subjek-subjek *diniyyah* seperti syariah dan usuluddin yang diajar dalam bahasa Arab. Kurikulum ini berbeza dengan sistem pembelajaran di sekolah menengah kebangsaan yang hanya menawarkan subjek bahasa Arab

sebagai satu-satunya subjek yang diajar dalam bahasa Arab. Sehubungan dengan itu, kajian ini amat penting bagi mengenal pasti tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab serta hubungannya dengan penguasaan mereka setelah mempelajari bahasa Arab selama lima tahun di peringkat sekolah menengah. Ia juga bertujuan membuktikan adanya pengaruh sikap terhadap peningkatan penguasaan bahasa Arab pelajar.

## **SOROTAN LITERATUR**

Penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab memerlukan kesediaan pelajar sendiri untuk mempelajari bahasa Arab agar mencapai objektif pembelajaran yang sebenar. Menurut Mok Soon Sang (2002), kesediaan merujuk kepada keadaan dalaman individu yang bersedia dan berupaya untuk mempelajari sesuatu dengan tujuan memperoleh pengalaman pembelajaran baharu.

Zulkiefly et al. (2010) menghuraikan sikap seseorang terhadap bahasa dapat dilihat berdasarkan lima faktor iaitu faktor psikologi, kedudukan geografi, latar belakang budaya, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga. Dalam konteks sikap terhadap pembelajaran bahasa Arab, nilai yang boleh dikaitkan adalah seperti nilai bahasa Arab sebagai faktor agama, faktor pendidikan, faktor komunikasi dan sejak kebelakangan ini dilihat sebagai bahasa yang digunakan dalam sektor ekonomi seperti pelancongan dan perbankan (Azman Che Mat & Goh Ying Soon 2010; Kamarul Shukri 2009; Jamaliah 2007; Kamarulzaman et al. 2002). Sikap positif amat perlu dipupuk dalam diri seseorang. Saadiah (1998) menyatakan tiga sebab individu perlu bersikap positif dalam berinteraksi dengan masyarakat iaitu sikap menunjukkan penilaian nilai kepercayaan semulajadi seseorang, memahami sikap memudahkan seseorang berinteraksi dengan masyarakat dan pelbagai aspek yang ada pada seseorang dapat dilihat pada sikap.

Sikap integratif dilihat kurang dititikberatkan oleh tenaga pengajar dalam menimbulkan minat cintakan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Zughoul & Taminian (2003) mendapati pelajar di Univeriti Yarmouk mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Namun begitu, pelajar menunjukkan sikap integratif terhadap bahasa Arab berbanding bahasa Inggeris. Hal ini berkemungkinan disebabkan suasana masyarakat dan persekitaran disekeliling mereka adalah orang Arab.

Pengaruh sikap dalam kalangan pelajar dan pengajaran guru di dalam kelas juga mempunyai hubungan yang signifikan dalam menguasai subjek bahasa Arab. Hal ini telah dibuktikan oleh Noorafini (2017) di dalam kajiannya bertajuk “Pengaruh Sikap Pelajar Dan Pengajaran Guru Terhadap Penguasaan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPIB, UMS”. Kajian beliau bertujuan melihat pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian lapangan dijalankan terhadap 200 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB),

Universiti Malaysia Sabah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar dan persepsi pelajar bagi pengajaran guru berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai skor min 3.66 dan 4.0.

Sikap dan minat adalah dua aspek berbeza. Namun demikian, tidak dinafikan wujudnya hubungan di antara kedua-dua aspek ini dalam memberikan penilaian kecemerlangan pelajar. Hal ini dibuktikan dalam kajian Ab.Halim (2016). Kajian beliau menghuraikan tentang hubungan antara minat dan sikap pelajar Bachelor Bahasa Arab terhadap bahasa Arab serta cuba memaparkan sikap dan usaha mereka untuk mempertingkatkan kecekapan bahasa Arab. Responden kajian ini terdiri daripada 130 orang pelajar yang mengambil pengkhususan Bahasa Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti UPM, UIAM, UKM, UM dan USIM.

Hasil kajian mendapati bahawa majoriti pelajar mempunyai minat yang tinggi terhadap bahasa Arab. Namun begitu mereka tidak menunjukkan keselarian antara sikap dan minat. Hal ini kerana, mereka kurang membaca akhbar Arab, cerpen dan novel serta kurang mendengar berita Arab dan mengakses maklumat Arab melalui internet.

Sebuah kajian berkaitan “Sikap Imam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Tujuan Pembangunan Kerjaya” dijalankan oleh Nur Hidayati (2014). Menurut beliau, Imam Masjid merupakan individu yang penting yang dianggap oleh masyarakat boleh berbahasa Arab dengan baik. Para Imam bukan sahaja perlu tahu mengenai solat malahan mereka juga perlu memahami makna perkataan dan mengetahui kesalahan ayat-ayat yang dibaca ketika solat, doa, khutbah dan sebagainya. Dapatan kajian mendapati bahawa Imam Masjid menunjukkan sikap kurang kesedaran terhadap pembelajaran bahasa Arab dan beranggapan bahasa Arab tidak mempunyai kaitan dengan tugas mereka.

Ismail Muhamad (2013) membincangkan tentang sikap pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dalam kajian beliau iaitu “Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF”. Beliau menyatakan pembelajaran bahasa Arab yang diwajibkan di peringkat sekolah rendah adalah sebuah pembaharuan dan ia telah diberi status istimewa dalam sistem pendidikan di Malaysia. Tujuan kajian adalah mendapatkan gambaran sebenar sikap dan penguasaan bahasa Arab pelajar yang terlibat dalam program j-QAF secara empirikal.

Dapatan kajian terhadap sikap responden secara umumnya adalah positif dengan minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab diikuti oleh kesungguhan, pencapaian dan dorongan. Manakala keputusan ujian bahasa menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap sederhana bagi komponen menulis dan membaca serta tahap rendah bagi komponen bertutur. Kesimpulannya, tahap sendiri pelajar terhadap bahasa Arab yang positif tidak menggambarkan pencapaian yang memuaskan. Kajian ini secara asasnya membuka ruang penelitian untuk diterokai bagi kesinambungan penyelidikan tentang sikap dan pencapaian pelajar bahasa Arab, khususnya di peringkat sekolah rendah di Malaysia.

Seterusnya Azman Che Mat (2013) menghuraikan tentang sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA. Aspek motivasi juga mempunyai hubungan dengan sikap majoriti pelajar bahkan permasalahan motivasi dan sikap pelajar perlu lebih diberi perhatian oleh tenaga-tenaga pengajar bahasa Arab di IPT. Bahasa Arab telah menjadi bahasa asing ketiga oleh pelajar. Pendekatan perbandingan digunakan sebagai kaedah kajian kerana kajian ini bertujuan meninjau kemungkinan wujudnya persamaan mahupun perbezaan daripada populasi yang berbeza, iaitu dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA). Sampel kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus program diploma.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat banyak persamaan berbanding dengan perbezaan. Latar belakang responden yang kebanyakannya mempunyai pengalaman mempelajari bahasa Arab sebelum menyambung pengajian di universiti adalah faktor berlakunya persamaan dan perbezaan perbandingan. Hal ini mungkin disebabkan oleh sikap bahawa mereka mempunyai kelebihan dan menganggap bahasa Arab itu mudah. Selebihnya mereka mengambil bahasa Arab sebagai pilihan disebabkan oleh pengaruh kawan, media dan keluarga.

Meskipun bahasa Arab telah diperkenalkan di peringkat sekolah, namun ia masih tidak mampu membentuk sikap minat pelajar untuk mendalami dan meningkatkan penguasaan bahasa Arab. Ia disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap bahasa Arab tidak penting dan mereka belajar sekadar untuk mendapatkan ganjaran CGPA. Di sini perlu adanya satu usaha yang boleh mengubah sikap dan anggapan pelajar terhadap bahasa Arab pada masa akan datang yang bermula di peringkat sekolah lagi.

Ghazali Yusri (2010) menghuraikan secara khusus tentang sikap pelajar dalam kemahiran lisan bahasa Arab. Kemahiran lisan adalah salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar bahasa Arab. Beliau menyatakan bahawa sikap terhadap pembelajaran bahasa telah mempengaruhi proses pembelajaran. Beliau memfokuskan kepada sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang merangkumi dua aspek iaitu sikap terhadap pengajaran bahasa dan sikap terhadap bahasa Arab. Objektif kajian adalah meneroka sikap pelajar dari segi kognitif, afektif dan konatif. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan 21 temu bual, iaitu 13 siri temu bual bersama pelajar dan lapan siri temu bual bersama pensyarah. Pemilihan pelajar dibuat dengan mengambil kira faktor latar belakang pengalaman bahasa Arab dan gugusan fakulti pelajar.

Dari segi kognitif, semua pelajar menyatakan kepentingan bahasa Arab walaupun sebahagian mereka lebih mementingkan subjek yang lain. Persepsi pelajar dari segi kesukaran pula bergantung kepada tahap pengalaman mereka yang terdahulu. Dari segi afektif, semua pelajar menunjukkan sikap yang positif terhadap bahasa Arab. Namun begitu pelajar yang tiada asas menyatakan rasa tidak selesa dengan keadaan kelas yang menggabungkan pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab dengan pelajar yang tiada asas tersebut. Pelajar menunjukkan



kecekalan mereka dalam pembelajaran dan ingin terus mempelajarinya pada masa akan datang. Beliau mencadangkan agar pendekatan pengajaran yang digunakan perlu sesuai dengan latar belakang pengalaman pelajar. Pendekatan yang sesuai penting kerana ia mempengaruhi pembentukan sikap pelajar seterusnya memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab.

Dalam konteks hubungan sikap dengan pencapaian, beberapa kajian lepas membuktikan bahawa sikap dan pencapaian mempunyai hubungan yang positif. Jamaliah (2007) membuktikan terdapat hubungan yang signifikan antara sikap dengan pencapaian pelajar. Namun begitu, tahap korelasi yang ditunjukkan amat rendah. Roslida (2002) mendapati pelajar bersikap sederhana positif terhadap pembelajaran bahasa Arab. Mereka lebih bersikap terbuka dalam menerima teguran guru sekiranya mempunyai kesilapan. Mereka beranggapan masalah yang dihadapi adalah kerana kurangnya memberi tumpuan terhadap pembacaan buku bahasa Arab. Namun begitu, dapatan kajian membuktikan tiada hubungan signifikan antara faktor sikap, minat, gaya pembelajaran dan kaedah pengajaran guru dengan pencapaian pelajar.

Hubungan antara bahasa Arab dan ekonomi Islam tidak dapat dinafikan lagi kepentingannya kerana sumber utama bagi ekonomi Islam banyak terdapat dalam bahasa Arab (Muhammad Marwan et al. 2006). Hasil kajian beliau membuktikan bahawa 100 peratus pelajar Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) menunjukkan mereka memerlukan bahasa Arab khusus yang berkaitan dengan muamalat dan ekonomi Islam. Ia turut mendapat perhatian daripada golongan profesional. Oleh itu, perkembangan semasa yang semakin bersifat global, berkepentingan nilai ekonomi untuk bahasa Arab telah mula diberi perhatian oleh masyarakat umumnya di persada antarabangsa.

Sa'adu al-Jaraf (1994) mendapati pelajar di Universiti Jordan dan Universiti al-Malik Sa'ud menunjukkan kurang bersikap positif dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah sebelum melanjutkan pelajaran ke universiti. Hal ini kerana, universiti sendiri tidak memainkan peranan dalam menitikberatkan kepentingan bahasa Arab. Banyak universiti lebih mengutamakan bahasa Inggeris daripada bahasa Arab. Justeru itu, tidak hairanlah jika pelajar lebih memilih untuk menguasai bahasa Inggeris.

Keberkesanan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing dapat dilihat daripada pengaruh sikap yang bukan sahaja lahir daripada faktor dalaman individu, bahkan faktor luaran juga berperanan untuk meningkatkan motivasi dalam menguasai bahasa tersebut. Faktor dalaman yang dinyatakan adalah seperti minat, bersungguh-sungguh dan sentiasa bersedia. Manakala, faktor luaran adalah berkait rapat dengan pengenalan terhadap komuniti bahasa, motif dan matlamat yang spesifik serta kerjasama dari pihak guru, kurikulum, bahan pengajaran dan lain-lain.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kertas kerja ini mengandungi empat persoalan iaitu:

1. Apakah tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017?
2. Apakah tahap sikap pelajar SMA JAIM terhadap pembelajaran bahasa Arab?
3. Bagaimanakah hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab?
4. Apakah faktor sikap mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kertas kerja ini merangkumi empat objektif iaitu:

1. Menyatakan tahap pencapaian bahasa Arab pelajar dalam peperiksaan percubaan SPM 2017.
2. Mengenal pasti tahap sikap pelajar SMA JAIM terhadap pembelajaran bahasa Arab.
3. Menghuraikan hubungan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab.
4. Menjelaskan pengaruh faktor sikap terhadap penguasaan bahasa Arab pelajar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif dan kuantitatif. Kualitatif digunakan bagi mengumpul dapatan data kajian lepas berkaitan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Data kajian lepas berkaitan sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dikumpulkan daripada buku, jurnal, artikel persidangan, tesis dan kertas kerja. Data tersebut dianalisis secara deskriptif. Manakala data kuantitatif dikumpulkan menerusi set soal selidik berkaitan sikap pelajar terhadap bahasa Arab. Kajian ini dijalankan terhadap 316 orang pelajar tingkatan lima dari enam buah sekolah menengah arab (SMA) JAIM di sekitar Melaka. Sekolah-sekolah tersebut ialah SMA JAIM Darul Falah, SMA JAIM al-Ehya al-Karim, SMA JAIM al-Asyraf, SMA JAIM al-Ahmadi, SMA JAIM as-Sayyidah Khadijah dan SMA JAIM as-Syakirin. Dapatan yang diperoleh daripada set soal selidik dihuraikan dan dipersembahkan secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan nilai kekerapan, peratusan, min, sisihan piawai, analisis korelasi dan analisis regresi berganda.

## **PERBINCANGAN KAJIAN**

Seramai 316 orang pelajar tingkatan lima merupakan responden bagi kajian ini. Ia terdiri daripada 102 orang responden lelaki dan 214 orang responden perempuan. Seramai 49 orang responden daripada SMA (JAIM) Darul Falah, 72 orang daripada SMA (JAIM) al-Ehya al-Karim, 45 orang daripada SMA (JAIM) al-Ashraf, 43 orang daripada SMA (JAIM) al-Ahmadi, 82 orang daripada SMA (JAIM) as-Sayyidah Khadijah dan 25 orang daripada SMA (JAIM) as-Syakirin. Rujuk Jadual 1.



Jadual 1: Taburan Jantina Responden

Jantina	Frekuensi	Peratus (%)
Lelaki	102	32.3
Perempuan	214	67.7

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Keputusan percubaan bahasa Arab diambil kira oleh penyelidik kerana ia boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi mengenal pasti kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab. Jadual 2 merupakan keputusan percubaan bahasa Arab. Seramai 84 orang responden (26.6%) yang mendapat gred A. Manakala bagi gred B, seramai 74 orang responden (23.4%). Seramai 56 orang responden (17.7%) mendapat gred C. Selain itu, 27 orang responden (8.5%) mendapat gred D, 45 orang responden (14.2%) mendapat gred E, tiga orang responden (0.9%) mendapat gred F dan 27 orang responden (8.5%) mendapat gred G. Rujuk Jadual 2.

Jadual 2: Taburan Keputusan Percubaan

Keputusan Percubaan Bahasa Arab (Gred)	Frekuensi	Peratus (%)
A+	9	2.8
A	35	11.1
A-	40	12.7
B+	23	7.3
B	51	16.1
C+	19	6.0
C	37	11.7
D	27	8.5
E	45	14.2
F	3	.9
G	27	8.5

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Dapatan data bagi tahap sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab dibentangkan dalam Jadual 3. Hasil kajian menunjukkan 196 orang responden (62%) merasakan mereka mempunyai sikap yang tinggi. Manakala seramai 114 orang responden (36.1%) berpendapat bahawa tahap sikap mereka adalah sederhana. Sementara hanya enam orang responden (1.6%) merasakan tahap sikap mereka adalah rendah. Sikap diukur berdasarkan instrumen soal selidik yang dijawab oleh responden yang dinilai menerusi lima pilihan skala jawapan daripada “*sangat tidak setuju*” hingga “*sangat setuju*”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi tahap sikap berada pada tahap tinggi. Rujuk Jadual 3.

Jadual 3: Taburan Tahap Sikap

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
Sikap			3.83	0.618
Tinggi (3.68 – 5.00)	196	62.0		
Sederhana (2.34 – 3.67)	114	36.1		
Rendah (1.00 – 2.33)	6	1.9		
Jumlah	316	100.0		

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan di antara sikap dengan penguasaan bahasa Arab. Terdapat hubungan yang signifikan positif di antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab ( $r = 0.623$ ,  $p < 0.05$ ). Berdasarkan kekuatan hubungan Albert dan Davis (1971), perkaitan antara sikap pelajar dengan penguasaan bahasa Arab adalah perkaitan yang kuat. Korelasi positif menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif iaitu lebih tinggi tahap sikap, maka lebih tinggi juga tahap penguasaan bahasa Arab.

Selain itu, analisis regresi berganda digunakan bagi menguji pengaruh sikap terhadap penguasaan bahasa Arab. Rujuk Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Regresi Berganda

Pembolehubah bersandar	Pembolehubah bebas	B	BETA	t	Sig.
Penguasaan Bahasa Arab (Y)	Konstan	.894		4.621	.000
	Sikap ( $X_1$ )	.515	.508	6.522	.000
	Motivasi ( $X_2$ )	.150	.139	1.786	.075
$R^2$	.395				
F	102.042				
Sig F	0.000				

Sumber: Data soal selidik 2017 (N=316)

Hasil dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 4 menunjukkan 39.5% ( $R^2 = 0.395$ ) faktor sikap dan motivasi mempengaruhi penguasaan bahasa Arab. Ia juga menunjukkan bahawa F-statistik ( $F=102.042$ ) sangat besar dan nilai  $p$  yang signifikan (0.000) atau lebih kecil daripada nilai alpha 0.01. Ini menunjukkan bahawa cerun garis regresi liner model ini dianggarkan tidak sama dengan sifar mengesahkan bahawa data kajian sesuai dengan dua model ramalan regresi linear yang diajukan dalam kajian ini.

Merujuk kepada analisis regresi, penguasaan bahasa Arab (Y) hanya dipengaruhi oleh satu pemboleh ubah iaitu faktor sikap ( $X_1$ ), namun motivasi ( $X_2$ ) tidak mempunyai hubungan yang signifikan dan tidak menyumbang kepada penguasaan bahasa Arab. Berdasarkan hasil kajian ini juga, hubungan antara penguasaan bahasa Arab (Y) dipengaruhi oleh faktor sikap ( $X_1$ ) dapat

dijelaskan menggunakan analisis regresi yang dinyatakan melalui persamaan linear seperti berikut:

$$Y = 0.894 + 0.515 (X_1)$$

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika satu unit sikap ( $X_1$ ) meningkat, maka tahap penguasaan bahasa Arab juga turut meningkat sebanyak 0.515. Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, ia membuktikan bahawa faktor sikap mempengaruhi penguasaan bahasa Arab pelajar. Justeru itu, sikap positif terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya haruslah dipupuk dan digarap seawal mereka didedahkan dengan bahasa Arab. Dorongan keluarga, pengaruh rakan sebaya, kepentingan bersifat global dan komersial merupakan faktor-faktor yang mampu meningkatkan sikap mereka menjadi lebih positif untuk terus mempelajari dan menguasai bahasa Arab.

## KESIMPULAN

Cara penguasaan bahasa pertama dan kedua adalah berbeza. Penguasaan bahasa pertama adalah melalui pemerolehan iaitu proses semulajadi yang melibatkan keadaan mental itu berada pada situasi yang tidak sedar dan tidak dirancang seperti cara bayi memperoleh bahasa ibundanya. Manakala bahasa kedua diperolehi dalam bentuk pembelajaran bahasa baharu yang dirancang dengan proses yang sengaja sifatnya. Oleh itu, sikap mempunyai perkaitan rapat dengan pencapaian seseorang di dalam pembelajaran dan penguasaan bahasa selain bahasa ibunda. Sikap ialah sesuatu yang abstrak dan hanya dapat dilihat atau dirasa melalui tindakan yang diambil. Ia mampu mempengaruhi pencapaian dan penguasaan mereka dalam bahasa Arab. Sekiranya pelajar mempunyai sikap yang positif maka mereka mampu menguasai dan meningkatkan pencapaian mereka dalam bahasa Arab begitu juga sebaliknya. Sikap yang positif mampu dipupuk dengan bantuan para guru dan faktor sekeliling seperti pengaruh rakan sebaya, dorongan keluarga dan sebagainya.

Sikap merupakan aspek penting yang perlu diberikan penekanan oleh para pelajar khususnya dalam mempelajari bahasa Arab. Hal ini kerana, bahasa Arab bukanlah bahasa yang diperoleh secara semula jadi. Ia memerlukan dorongan dan sokongan yang padu sama ada dari segi dalaman atau luaran bagi mendorong individu untuk terus mempelajari bahasa Arab. Melalui sikap yang positif dan motivasi yang tinggi, kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab dapat disemai seterusnya melahirkan sarjana-sarjana yang mahir dan mampu menguasai ilmu bahasa Arab.

## RUJUKAN

Ab Halim Mohammad (2006). Antara minat dan sikap pelajar terhadap bahasa Arab: satu kajian ke atas pelajar Bachelor Bahasa Arab di IPTA Malaysia. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam*, hlm. 9-18.

- Azman Che Mat. 2013. Sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab di IPTA. *Academia Journal UITM*, 2 (2): 61-68.
- Mohd Firdaus Abdul Salam. 2003. Sikap dan motivasi pembelajaran bahasa Inggeris serta implikasinya terhadap pencapaian: satu analisis di kalangan pelajar sekolah menengah pendalaman Sabah. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gardner R.C. & Lambert W.E. 1972. *Attitudes and Motivation In Second-Language Learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Gardner R.C. 1983. Learning another language: a true social psychological experiment. *Journal of Language and Social Psychology*, (2): 219-239.
- Gardner R.C & Lalonde R.N, Moorcroft, R. 1985. The role of attitudes and motivation in second language learning: correlational and experimental considerations. *Language learning*, 35: (207-227).
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M.Shah. 2010. Sikap pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 10(3): 15-33.
- Ismail Muhamad, Wan Maizatul Akmar Wan Ahmad & Azman Che Mat. 2013. Sikap dan realiti penguasaan kemahiran bahasa Arab pelajar program j-QAF. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 13(2): 81-97.
- Jamaliah Rani. 2007. Sikap dan motivasi pembelajaran bahasa Arab dan hubungannya dengan pencapaian: satu kajian. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairatul Akmar Ab. Latif, Maimun Aqsha Lubis & Aisyah Sjahrony. 2015. *Realiti Teori dan Praktikal Bahasa Arab Universiti di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Marwan Ismail, Wan Moharani Mohammad & Zainur Rijal Abd Razak. 2006. Peranan bahasa Arab bagi meningkatkan kefahaman ummah dalam aspek muamalat. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (6)*, hlm. 191-198.
- Noorafini Kassim, Saini Ag. Damit & Muhammad Suhaimi Taat. 2017. Pengaruh sikap pelajar dan pengajaran guru terhadap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar PPIB UMS. *Jurnal Ulwan*, (1): 125-142.
- Natsue Hieda. 2012. Sikap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia terhadap bahasa Jepun. Tesis sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norizah Ardi. 2005. Sikap terhadap bahasa Melayu dan penggunaannya di kalangan pelajar universiti di Selatan Thailand. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Haliza Ibrahim & Khaidzir Hj. Ismail. 2010. Kebimbangan terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*. 13:73-87
- Nur Hidayati Mohd Rafy. 2014. Sikap imam masjid terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan pembangunan kerjaya. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, hlm: 255-261.
- Roslida Kadir. 2002. Fator-faktor yang mempengaruhi pencapaian bahasa Arab komunikasi di kelas aliran agama: kajian di kalangan pelajar tingkatan dua SMK Daerah Hulu Langat. Projek penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosni Samah. 2012. Isu Pembelajaran Bahasa Arab. *Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012*. Anjuran Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan, 19 Mei.

- Rusniza Mohammad. 1998. Kemahiran pengajaran bahasa Arab satu kajian khusus di sekolah-sekolah agama negeri Kelantan. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sa<sup>o</sup>duljaraf, R. 2004. Ittijahat al-syabab nahwi istikhdam al-lughatain al-<sup>o</sup>arabiyyah wa al-injiliziyyah fi al-ta<sup>o</sup>lim.
- al-Tamimi, Atef & Shuib, Munir. 2009. Motivation and attitudes towards learning English: a study of petroleum engineering undergraduates at hadramout university of sciences and technology. *Gema Online Journal Of Language Studies*, 9(2): 29-49.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A.Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. 2007. *Pendekatan dan Strategi Efektif dalam Penguasaan Bahasa Arab*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2014. Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Social and Behavioral Sciences* (134) : 408-415.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zughoul & Taminian. 2003. Globalizationand EFL/ESL pedagogy in the Arab world. *Journal of Language and Learning*, 1 (2): 106-146.